

**PENGARUH NASIONALISME MELAYU MEWARNAI
BUDAYA POLITIK MELAYU DALAM UMNO
(INFLUENCES OF MALAY NATIONALISM IN CULTURAL-POLITICS OF UMNO)**

MOHD FAIDZ MOHD ZAIN

JAMAIE HJ. HAMIL

MOHD RIZAL MOHD YAAKOB

MOHAMAD RODZI ABD RAZAK

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan meneliti aliran ideologi nasionalisme Melayu dalam budaya politik sejak tahun 1920-an sehingga tercetusnya krisis dalam UMNO pada tahun 1987. Fokus penelitian tertumpu kepada tiga tahap utama. Tahap pertama meneliti kemunculan nasionalisme Melayu sebelum tahun 1946 yang dipelopori oleh Ibrahim Yaakob, Ahmad Boestaman dan Dr. Burhanuddin Al-Helmi sehingga penubuhan *United Malay National Organization* (UMNO) yang dipelopori oleh Dato' Onn Jaafar. Tahap kedua memberi tumpuan kepada perkembangan dalam UMNO khususnya usaha menentang Malayan Union dan perjuangan menuntut kemerdekaan. Tahap ketiga pula membincangkan konflik yang berlaku dalam ideologi nasionalisme UMNO sehingga ia diharamkan serta implikasinya terhadap budaya politik Melayu. Sepanjang tempoh tersebut, pengaruh nasionalisme Melayu sememangnya telah mewarnai corak budaya politik Melayu. Berasaskan kepada perkembangan tersebut artikel ini merumuskan bahawa nasionalisme Melayu masih sesuai diadaptasikan dalam budaya politik Melayu khususnya dalam perjuangan UMNO.

Kata Kunci: Nasionalisme, Nasionalisme Melayu, Melayu, Budaya Politik, UMNO

ABSTRACT

This article aims to examine the ideological trend of Malay nationalism in the political culture since the 1920's until the 1987 UMNO crisis. Discussion focused on three main levels. The first stage examines the emergence of Malay nationalism before 1946, led by Ibrahim Yaakob, Ahmad Boestaman and Dr. Burhanuddin Al-Helmi until the establishment of the United Malay National Organization (UMNO), which was initiated by Dato' Onn Jaafar. The second stage focuses on developments within the party, especially the fight against the Malayan Union and the struggle for independence. The third stage focuses on the conflict within UMNO and its implications on Malay political culture. During this period, the influence of Malay nationalism certainly had influenced the pattern of Malay political culture. This article concluded that Malay nationalism is suitably adapted in Malay political culture, especially in UMNO.

Keywords: Nationalism, Malay Nationalism, Malay, Cultural Politics, UMNO

Pengenalan

Sebelum kedatangan kolonial, bentuk politik di Tanah Melayu adalah bersifat tradisionalisme dan bercirikan feudal. Orang Melayu beranggapan bahawa Sultan merupakan pemimpin mereka yang unggul. Mereka percaya bahawa Sultan berusaha untuk menegakkan keadilan dengan bersandarkan kedudukan baginda yang dianggap sebagai wakil Allah yang diharapkan untuk menjaga kebijakan, kehormatan dan keselamatan rakyatnya¹. Kedatangan kolonial

¹ Mohd Koharuddin Mohd Balawi (2001) melihat, budaya politik Melayu dan ideologi politik berasaskan teks-teks Melayu. Dalam kajiannya beliau melihat peranan pemerintah iaitu Raja/Sultan dalam pemerintahan di Tanah Melayu. Beliau membicarakan tentang kontrak sosial antara Sultan dan rakyat berdasarkan kepada teks-teks dan hikayat Melayu lama.

ke Tanah Melayu mewujud beberapa ideologi politik yang mula menghakis sistem beraja di Tanah Melayu. Antara ideologi yang wujud ialah nasionalisme, komunisme dan sosialisme. Dengan munculnya beberapa ideologi ini maka satu anjakan baru dalam sistem dan budaya politik Melayu mula berkembang. Ideologi-ideologi ini meresapi jiwa orang Melayu ketika itu lebih-lebih lagi ketika usaha-usaha untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British. Ia dipelopori oleh mereka yang mendapat pendidikan dari berbagai aliran pendidikan. Pendidikan Melayu misalnya yang dipelopori oleh Ibrahim Yaakob dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Mereka yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah pula seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan juga daripada pendidikan Inggeris seperti Dato' Onn, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak Hussein.

Penulisan ini akan cuba menelusuri kembali perjuangan nasionalisme dalam budaya politik Melayu daripada kemunculan Kesatuan Melayu Muda (KMM), penubuhan *United Malays National Organization* (UMNO), perkembangan nasionalisme Melayu dari 1940-an hingga era reformasi tahun 1990-an. Ia akan dibahagikan kepada tiga peringkat perkembangan iaitu awal nasionalisme Melayu sebelum tahun 1946, nasionalisme Melayu 1946 hingga era merdeka dan tahap ketiga ketika berlakunya krisis kepimpinan UMNO 1987.

Konsep Melayu

Menurut Abdul Rahman Embong (2000), terdapat tiga pendekatan konsep Melayu. Pertama konsep Melayu yang menggunakan kesamaan bahasa dan budaya seperti yang terkandung dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Menurut beliau, Melayu secara fizikalnya berkultiv ciku masak (sawo matang) yang terdiri daripada pelbagai suku bangsa yang mendiami alam Melayu yang juga dikenali sebagai nusantara. Dari segi linguistiknya, Melayu bertutur dalam bahasa asasnya iaitu bahasa Melayu-Polinesia. Melayu

dipecahkan kepada ratusan suku bangsa dan etnik yang mempunyai perbezaan lokasi, dialek dan cara hidup. Kini, Melayu menjadi sebahagian besar penduduk Malaysia, Brunei, Indonesia dan Filipina manakala di Singapura, Selatan Thailand, Vietnam, Myanmar, Sri Lanka, dan Afrika Selatan Melayu menjadi kumpulan populasi yang minoriti (Abdul Rahman 2000).

Pendekatan kedua yang menerangkan konsep Melayu ini ialah berasaskan kepada penggunaan nama Melayu itu sendiri. Menurut Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah nama Melayu dikatakan berasal dari nama Sungai Melayu di Bukit Siguntang yang terletak di Palembang Sumanteria. Untuk tarifan pendekatan ini Melayu tidak termaksud mereka daripada etnik Jawa, Banjar, Aceh dan kelompok-kelompok yang sama dengan budayanya. Pendekatan ini bermaksud Melayu adalah etnik yang terdapat di Palembang sahaja. Pemahaman tentang Melayu ini bersesuaian dengan pengertian etnik Melayu di Indonesia yang tidak merangkumkan berbagai-bagai etnik di Indonesia sebagai ‘bangsa Melayu’ tetapi Melayu itu hanya satu suku etnik yang kecil. Pengertian ini berbeza dengan Melayu di Malaysia yang merangkumi berbagai suku seperti Jawa, Bugis, Banjar, Minang, Rawa dan Mandaling sebagai ‘bangsa Melayu’.

Manakala pendekatan ketiga pula dalam mentakrifkan konsep Melayu ialah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu Fasal 160 yang mentarifkan Melayu adalah seseorang yang beragama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan i) lahir sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau Singapura, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura ; atau ii) ia adalah keturunan seseorang tersebut (Perlembagaan Persekutuan 2003, Syed Husin 1979).

Menurut Syed Husin (1979), pengertian Melayu dapat dilihat melalui dua sudut iaitu sudut sosiobudaya dan juga perlembagaan. Dari sudut sosiobudaya orang Melayu bukan sahaja terdapat di

Semenanjung tetapi juga di tempat lain seperti kepulauan Filipina dan Indonesia yang disebut Nusantara. Walaupun bertutur dalam dialek dan loghat yang berbeza serta berbeza agama, para sarjana beranggapan mereka ini daripada rumpun yang sama. Ini dapat dibuktikan dengan seorang tokoh nasionalis Filipina Jose Rizal dengan ungkapan '*the pride of the Malay race*' walaupun beliau tidak beragama Islam (Wan Hashim, 1996). Ikatan rumpun Melayu ini dipisahkan oleh penjajah barat di rantau ini, misalnya British di Malaya dan Brunei, Belanda di Indonesia dan Sepanyol di Filipina. Oleh itu, kewujudan Melayu adalah berasaskan negara, iaitu Melayu Malaysia, Melayu Indonesia dan Melayu Brunei (Syed Husin Ali 1979,10).

Konsep Nasionalisme Dan Budaya Politik

Konsep nasionalisme dikatakan telah wujud pada abad ke-12 lagi namun, ideologi ini hanya muncul sebagai ideologi politik yang berpengaruh pada abad ke-19 apabila beberapa negara jajahan mula menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Sarjana pemikiran politik barat beranggapan bahawa tahun 1648 adalah titik tolak kepada kehadiran nasionalisme sebagai sebuah ideologi politik. Ini dapat dibuktikan pada tahun tersebut satu perjanjian yang membawa pengakhiran peperangan 30 tahun di Eropah yang telah membawa impikasi kepada kelahiran konsep negara bangsa. Perjanjian tersebut ialah Perjanjian Westphalia, di mana perjanjian ini tidak menjaskankan hak-hak sebuah negara bangsa, dan kedaulatan nasional (Baradat, 1984). Menurut Syed Husin Ali, sekurang-kurangnya terdapat dua jenis nasionalisme iaitu pertama nasionalisme yang umumnya terdapat di negara Eropah dalam abad ke-19. Manakala yang keduanya ialah nasionalisme yang terdapat di negara-negara Asia dan Afrika yang pernah dijajah dalam abad ke-20 (Syed Husin Ali, 1983 : 3) Nasionalisme di Eropah melibatkan fahaman dan gerakan nasionalis untuk membina dan menstabilkan kedudukan negara berdasarkan

aspek agama, bangsa dan bahasa yang sudah lama wujud di kalangan masyarakat terbabit. Manakala nasionalisme di Asia dan Afrika pula kebanyakannya berpunca daripada usaha menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Kemudiannya membentuk satu negara baru yang berasaskan kewarganegaraan sama bagi anggota masyarakat dalam bidang politik dan sosio-budaya.

Nasionalisme secara umumnya bermaksud satu fahaman atau semangat kebangsaan. Ia digunakan untuk menjelaskan sikap dan pendekatan yang berkaitan dengan perjuangan menentang kolonial serta pembelaan terhadap bangsa atau negara. Menurut Hans Kohn seorang sarjana dari Jerman, nasionalisme ialah satu gerakan yang mencerminkan "*a state of mind, in which the supreme loyalty of the individual is felt to be due the nation-state...*". Dalam erti kata lain, satu gerakan nasionalisme itu adalah meletakan kesetiaan seseorang itu hanya kepada negeri/negara atau bangsanya (Hans Kohn, 1965: 9). Smith mentakrifkan nasionalisme adalah satu pergerakan ideologikal, untuk mencapai pemerintahan sendiri dan kemerdekaan bagi sesuatu golongan atau sebahagian daripada kelompoknya yang menggelarkan diri mereka sebagai bangsa yang sebenar atau bakal bangsa seperti bangsa-bangsa lain. Smith juga menyatakan 3 perkara yang membentuk nasionalisme iaitu penentuan nasib sendiri secara kumpulan, penegasan keperibadian dan sifat tersendiri bangsa dan pembahagian dunia mengikut negara bangsa yang tersendiri (Suntharalingam.1985 : 9-10). Elie Kedourie (1966) pula, menjelaskan nasionalisme merupakan suatu keazaman kelompok manusia untuk mempunyai kerajaan sendiri. Beliau melihat keazaman diri kebangsaan itu sebagai satu unsur terpenting nasionalisme kerana matlamat nasionalisme ialah pembebasan manusia dari sebarang penguasaan asing dan mempunyai pemerintahan sendiri. Selain itu, beliau menyatakan nasionalisme itu memperlihatkan manusia secara zahirnya terbahagi kepada mereka yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti persamaan etnik, bahasa dan agama dan kerajaan yang mahu

dibentuk adalah berasaskan kepada kebangsaan mereka sendiri².

Konsep nasionalisme di Tanah Melayu terbahagi kepada dua pengertian iaitu pertama; nasionalisme adalah merujuk kepada gerakan perjuangan untuk menuntut kemerdekaan. Subordinasi politik dan ekonomi tanah jajahan oleh pemerintah kolonial menyebabkan rakyat berpendirian hanya kemerdekaan sahajalah satu cara untuk membolehkan mereka mencapai kebebasan (Ramlah Adam 1998). Pengertian kedua, selepas mencapai kemerdekaan maka muncul pula gerakan nasionalis yang cuba mempertahankan budaya, bahasa, pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Ini berlaku, selepas negara bangsa berjaya dibentuk dalam keadaan yang ditinggalkan penjajah. Untuk memperkuatkan negara bangsa baru itu maka gerakan-gerakan nasionalis akan memainkan peranan supaya sesuai dengan sosio budaya yang diinginkan (Rustam 2004).

Budaya politik pula dikaitkan dengan kewujudan rantaian sikap, tingkah laku, kepercayaan dan emosi yang mencorakkan aktiviti politik dalam setiap anggota sesuatu kelompok (Almond & Powell 1966:50). Pada dasarnya, budaya politik mengandungi satu kepercayaan yang boleh menggambarkan dan nilai yang boleh menjelaskan situasi tindakan politik (Pye & Verba 1965: 513). Menurut Ahmad Nizamuddin (2002), budaya politik merangkumi perlakuan, tingkah laku, penglibatan, persepsi, kepercayaan, jangkaan dan harapan anggota masyarakat di dalam lingkungan politik masyarakatnya. Perkembangan budaya politik dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia yang menunjukkan betapa masyarakat telah berubah dari sifat feudal kepada era penyesuaian kepada demokrasi moden dan kemudiannya melahirkan budaya neo-feudal dan menuju kearah yang lebih sivil.

² Menurut Elie Kedourie, nasionalisme itu mestilah berasaskan bangsa, agama dan bahasa yang sama yang bermatlamat membentuk kerajaan bersumberkan semangat kebangsaan mereka.

Budaya politik berbeza dengan sistem politik. Sistem politik pula adalah seperti yang digariskan dalam perlombagaan dan sebarang perubahan dan pembaikan dalam perlombagaan itu seharusnya diinsitusikan oleh peruntukan perundangan. Malaysia mengamalkan pemerintahan sistem demokrasi berparlimen dan segala aturan untuk menjalankan sistem politik di Malaysia mestilah berasaskan sistem demokrasi berparlimen. Walaupun sistem politik yang sama diamalkan di beberapa negara sebagai contoh antara Malaysia dan India tetapi budaya politiknya mempunyai banyak perbezaan. Menurut Ahmad Nidzamuddin lagi, sistem politik mungkin boleh menurut aturan yang sama tetapi budaya politik agak sukar kerana ia melibatkan latar belakang, latar sejarah, agama, pendidikan, struktur masyarakat dan sebagainya yang berkaitan dengan masyarakat tersebut (Ahmad Nidzamuddin, 2002 : 34).

Almond & Powel (1966), mencirikan budaya politik kepada tiga bentuk iaitu budaya politik parokial, budaya politik subjek dan budaya politik partisipan. Budaya politik parokial ini wujud di kalangan masyarakat yang tidak ambil tahu tentang urusan politik. Mereka hanya mengutamakan urusan keluarga dan urusan peribadi mereka sahaja. Bagi mereka urusan politik dan negara diurus oleh mereka yang berkenaan sahaja. Budaya politik subjek pula, merujuk kepada mereka yang menerima output daripada sebelah pihak sahaja tanpa mempersoalkan apa, bagaimana dan mengapa. Mereka ini terdiri daripada ahli parti dan penyokong parti yang setia kepada pemimpin yang boleh dianggap taat melulu, mendengar dan mempercayai hanya sebelah pihak. Budaya politik partisipan pula, merujuk kepada masyarakat yang mempunyai kesedaran politik yang tinggi. Mereka ini boleh kategori sebagai masyarakat sivil.

Pemahaman Tentang Budaya Politik Melayu

Budaya politik Melayu pada hari ini sedang mengalami suatu proses

transformasi. Budaya politik Melayu dahulunya adalah bersifat feudal dengan ciri-ciri yang jelas seperti zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* telah memberi gambaran serta menjelaskan sistem politik dan sosio-ekonomi masyarakat Melayu sebelum kedatangan kolonial ke Tanah Melayu. Ketika itu, masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah (Gullick 1978). Golongan yang memerintah terdiri daripada golongan istana dan bangsawan. Manakala golongan yang diperintah terdiri daripada rakyat jelata.

Golongan yang memerintah ini dianggap sebagai manusia yang tinggi status dan martabatnya. Ketika masyarakat Melayu masih beragama Hindu-Buddha, golongan bangsawan dianggap sebagai jelmaan dewa atau keturunan dewa. Sesiapa sahaja yang terpilih menjadi pemimpin utama dalam sesuatu kelompok masyarakat akan dianggap sebagai manusia yang suci, mulia dan bebas dari dosa (Shaharuddin 1988). Oleh yang demikian, orang Melayu percaya bahawa pemimpin mereka mempunyai pelbagai sifat yang sangat istimewa serta kuasa dalam bentuk daulat yang tidak boleh ditentang oleh sesiapa. Selepas kedatangan Islam, tanggapan mereka terhadap golongan pemerintah ini masih tidak berubah. Raja yang awalnya dianggap sebagai jelmaan dewa dikaitkan pula bahawa raja Melayu mempunyai pertalian daripada keterunan Iskandar Zulkarnaian.

Sejarah Melayu, meletakkan raja-raja Melayu sebagai ‘pengganti Allah’ di muka bumi ini. Baginda diterima sebagai ketua agama Islam di dalam masyarakatnya serta di panggil dengan gelaran Sultan. Gelaran Sultan telah memperkuuhkan konsep daulat iaitu sesiapa yang menderhaka kepada Sultan adalah suatu kesalahan yang besar. Ini kerana perbuatan itu akan mendatangkan tulah kepada setiap penderhaka, iaitu sesuatu bentuk pembalasan daripada kuasa ghaib akibat kemungkaran raja yang diderhakainya (Haron Daud 1993:89-102). Oleh itu budaya politik Melayu tradisional adalah bersandarkan kepada *agrarian, patron-client, pasif, non-political*,

setia, sensitif dengan darjat dan daulat pemimpin (raja/Sultan) dan struktur politiknya *submissive* (kepatuhan kepada pemimpin).

Di dalam masyarakat Melayu, pemimpin politik biasanya terdiri daripada mereka yang berketurunan bangsawan dan bukannya daripada orang bawahan atau rakyat biasa. Namun terdapat juga di antara pemimpin politik dilantik dan dipilih berdasarkan kepada jasa dan pengorbanan kepada kerajaan dan juga mungkin melalui perkahwinan (Mahadzir 1989). Hang Tuah lima bersaudara contohnya adalah di kalangan rakyat biasa yang dilantik menjadi pembesar di atas jasa dan pengorbanan menyelamatkan Bendahara Melaka dari serangan orang mengamuk. Watak Hang Tuah adalah aplikasi atau cermin budaya politik Melayu yang berasaskan kepada konsep kesetiaan dan ketaatan (Jamaie et al. 2005: 75).

Selepas kedatangan kolonial, budaya politik Melayu dikatakan telah memasuki transformasi baru iaitu timbulnya beberapa ideologi dan pemikiran politik yang dikatakan boleh menggugat budaya politik yang sedia ada. Antaranya wujud aliran ideologi sosialis, komunis, keagamaan dan juga nasionalisme. Aliran ideologi komunis di Tanah Melayu ini dipelopori oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang dipimpin oleh beberapa perjuangan komunis Melayu seperti Musa Ahmad, Rashid Maidin, Shamsiah Fakeh dan Abdullah CD³. Rashid Maidin merupakan orang Melayu yang berjuang bersama komunis dari awal tercetusnya perjuangan gerakan anti-British sehinggalah melalui beberapa zaman seperti di zaman penjajahan hingga Tanah Melayu merdeka. Perjuangan PKM ini adalah untuk menujuhan sebuah republik komunis di Tanah Melayu namun gagal (Ishak Saat 2007: 63-67). Aliran ideologi ini telah menukar wajah budaya politik Melayu, sehingga ada di kalangan mereka boleh melanggar konsep daulat seperti yang diamalkan sejak zaman Melayu tradisional.

³ Nama asal Abdullah CD ialah Cik Dat yang dilahirkan Parit, Perak pada Oktober 1923. Bapanya ialah Anjang Abdullah seorang petani dan seorang Ketua Kampung. Nama CD itu merujuk kepada nama asal beliau iaitu Cik Dat.

Tahap Pertama : Awal Nasionalisme Melayu Sebelum 1946

Tahap ini merupakan permulaan gerakan perjuangan politik yang mengubah landskap budaya politik Melayu yang selama ini berasaskan kepada konsep daulat iaitu taat setia kepada raja atau pemerintah secara melulu. Pelopor golongan ini kebanyakannya mendapat pendidikan dari aliran Melayu seperti dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) antara tokoh yang terlibat ialah Ibrahim Yaakob dan Ishak Hj. Mohammad yang telah menggunakan pendudukan Jepun sebagai asas perjuangan mereka untuk mendapat tempat dalam kegiatan nasionalisme itu (Ramlah Adam, 1998). Pergerakan atau peralihan budaya politik Melayu pada zaman kolonial ini bermula dengan kebangkitan nasionalisme yang timbul sebagai satu bentuk tindak balas untuk melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu (Jamaie, 2005: 81). Kesedaran ini diperkuatkan lagi apabila ada di kalangan orang Melayu yang menerima pendidikan agama di Timur Tengah (Amaluddin 1998 : 124-128) dan pendidikan sekular di institut pengajian tinggi di luar negara yang pulang ke Tanah Melayu. Mereka kemudian tampil ke hadapan untuk memberi sumbangan idea kepada masyarakat dan kebanyakan mereka menjadi orang penting dalam menggerakkan beberapa gerakan dan organisasi politik (Fauziah dan Ruslan 2000: 323-324).

Gerakan politik mereka ini digolongkan sebagai nasionalisme haluan kiri yang dipelopori oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM), diteruskan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan badan gabungannya seperti Angkatan Pemuda Insaf⁴ (API), Angkatan

⁴ Angkatan Pemuda Insaf (API) diasaskan oleh Ahmad Boestaman pada tahun 1946 di Brewater Road, Ipoh. Parti ini merupakan sayap pemuda PKMM. Keanggotaannya berumur 18-35 tahun. API menggunakan tindakan redikal dalam usahanya membebaskan Tanah Melayu daripada kolonial British. Parti ini telah memberi latihan tentera dengan menyeragamkan pakaian seragam jaket, seluar serta topi putih kepada setiap anggotanya. API cuba melancarkan satu rampasan kuasa pada tahun 1946. Rancangan pertama ialah mencolek semua Raja-Raja Melayu dan pegawai tinggi British. Walaubagaimanapun rancangan itu gagal apabila British mengistiharkan Darurat pada tahun 1948. API Akhirnya diharamkan oleh British secara rasmi pada 17 April 1947 dan disertai dengan penahanan Ahmad Boestaman (Mohd Fo'ad Sakdan, 1999: 9).

Wanita Sedar⁵ (AWAS) dan Barisan Tani Malaya⁶ (BATAS) (Rustam, 2004). Kesatuan Melayu Muda (KMM) merupakan wadah sosio-politik pertama yang muncul di Tanah Melayu sebelum Perang dunia Kedua. Kewujudan KMM adalah rentetan daripada perjuangan Ikatan Pemuda Pelajar yang ditubuhkan pada tahun 1929 oleh Ibrahim Yaakub di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. KMM ditubuhkan untuk mendapatkan kemerdekaan untuk Tanah Melayu dengan idea untuk bergabung dengan Indonesia dalam membentuk Melayu Raya atau Indonesia Raya (Cheah Boon Kheng 1983: 101). Pada asasnya, gagasan Melayu Raya itu berteraskan kepada suatu konsep sesuatu bangsa itu ditentukan oleh persamaan kebudayaan serta keterunan. Idea ini menunjukkan Tanah Melayu serta kepulauan Indonesia merupakan satu rumpun dan keturunan yang sama iaitu Melayu yang dipisahkan oleh kolonial barat iaitu Inggeris dan Belanda. Melayu Raya merupakan suatu rancangan pembentukan sebuah negara-bangsa Melayu yang merangkumi seluruh wilayah Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulaun Indonesia (Rustam A. Sani, 1975) KMM dipimpin oleh Ibrahim Yaacob dan Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako). Tetapi KMM hanya dapat bertahan beberapa bulan sahaja kerana masalah kepimpinan berikutnya ditangkap oleh Jepun maka KMM dibubarkan.

Setelah KMM dibubarkan, pada 17 Oktober 1945, PKMM ditubuhkan di Ipoh, Perak. Beberapa orang bekas ahli PKM turut

⁵ Angkatan Wanita Sedar (AWAS) adalah pertubuhan wanita yang bergerak dalam PKMM. Ia ditubuhkan oleh Shamsiah Fakeh. Antara pemimpin wanita yang terbabit di dalam AWAS termasuklah Aishah Ghani, Aishah Hussein (isteri Ishak Hj. Muhammad), Sawiyah Jalil, Marliah Ahmad dan Sakinah Junid (isteri Dato' Mohd Asri). Dasar perjuangan AWAS ialah untuk membebaskan Tanah Melayu daripada kolonial British. Jesteru, AWAS menggunakan Slogan “Darah Rakyat” sebagai sumber menaikan semangat perjuangan kaum wanita. Seperti API, AWAS akhirnya juga diharamkan oleh British (Mohd Fo'ad Sakdan,1999: 9).

⁶ Barisan Tani Malaya (BATAS) sebuah lagi badan gabungan PKMM, ia ditubuhkan untuk menguatkan PKMM di kalangan golongan petani. Ia ditubuhkan oleh Abdullah CD dan Musa Ahmad. BATAS dirasmikan pada 7 Julai 1947 di Kajang Selangor. Aktiviti BATAS tidak terhad kepada perjuangan politik semata-mata. Ia juga memperluaskan aktiviti dengan membentuk koperasi atau syarikat kerjasama, mengadakan sekolah tani, menjalankan gotong-royong dan sebagainya (Mohamad Salleh Lamry, 2006: 80).

menjadi ahli PKMM bersama-sama dengan tokoh – tokoh KMM. Antara mereka yang terlibat dalam pembentukan PKMM ialah Mokhtaruddin Lasso, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ahmad Boestaman dan Khatijah Ali. Matlamat penubuhan PKMM ialah mempersatukan bangsa Melayu, menaikan semangat kebangsaan di kalangan bangsa Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya dalam keluarga besar iaitu Republik Indonesia Raya ataupun Melayu Raya. Walaupun PKMM ini berhaluan kiri, namun PKMM juga memainkan peranan menentang Malayan Union dengan membentuk PUTERA (Mohd Fo'ad Sakdan, 1999: 121).⁷

Konsep Melayu Raya ini telah meresap ke dalam budaya politik Melayu yang bersedia untuk menubuhkan sebuah republik. Golongan ini dipelopori oleh golongan radikal yang menyatakan konsep ini dibina hasil daripada latar belakang masyarakat Melayu yang mempunyai kesamaan kebudayaan serta rumpun bangsa Melayu. Ini seperti yang dinyatakan oleh konsep Melayu di atas. Tetapi usaha golongan ini untuk menubuhkan Melayu Raya gagal, walaubagaimana pun, golongan ini tetap dianggap sebagai pelopor dalam memperkenalkan semangat nasionalisme Melayu kepada orang Melayu di Tanah Melayu. Dengan kelahiran golongan radikal seperti Ibrahim Yaakob, Ahmad Boestaman dan Dr. Burhanuddin Al-Helmy ia telah membuka ruang lingkup masyarakat Melayu untuk mengubah budaya politik Melayu. Golongan ini yang dianggap radikal akhirnya dilabelkan sebagai sosialis dan berhaluan kiri.

⁷ Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) ditubuhkan pada 22 Februari 1947. Ia merupakan hasil daripada gabungan beberapa buah parti politik Melayu berhaluan kiri seperti PKMM, API, AWAS, BATAS, Hizbul Muslimin dan Gerakan Angkatan Muda (GERAM). Tujuan penubuhan PUTERA ini adalah untuk mewujudkan gabungan yang padu di kalangan parti-parti polik haluan Melayu kiri bagi memberi saingan kepada UMNO. Ia dipimpin oleh Ishak Hj. Muhamad. Antara dasar perjuangan PUTERA ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, istilah Melayu haruslah digunakan untuk semua warganegara Tanah Melayu, perkara yang berkaitan dengan hal-hal luar negara dan pertahanan mestilah merupakan tanggungjawab bersama antara Tanah Melayu dengan British dan yang terakhir bendera kebangsaan Tanah Melayu haruslah mengandungi warna kebangsaan Melayu iaitu merah putih seperti bendera Indonesia-Sang Saka Merah Putih (Zainal Abidin Wahid, 128: 1971).

Tahap Kedua : Nasionalisme Melayu 1946 Hingga Era Merdeka

Pada tahap ini perkembangan nasionalisme dalam budaya politik Melayu semakin meningkat apabila tindakan British untuk menubuhkan gagasan Malayan Union⁸ pada 10 Oktober 1945. Buat pertama kalinya, kesemua pemimpin gerakan nasionalisme Melayu telah mengenepikan sengketa dan perbezaan ideologi masing-masing untuk bersatu menentang Malayan Union. Rentetan itu seorang bangsawan daripada Johor iaitu Dato' Onn Jaafar telah menubuhkan UMNO pada 1946. Senario ini telah membawa evolusi baru dalam budaya politik Melayu. UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 hasil daripada satu kongres se-Malaya yang diadakan di Kuala Lumpur dengan disertai oleh 41 persatuan Melayu termasuk wataniah (Jamaie, 2005). Usaha mengegalkan kesatuan Malaya mengambarkan semangat cinta dan sayang kepada Malaya tersemat di hati orang Melayu ketika itu.

Melalui isu nasional yang berkait dengan hak ketuanan dan kedaulatan raja-raja Melayu maka perjuangan UMNO mendapat sokongan menyeluruh daripada orang Melayu. Kewujudan UMNO ini telah menyatupadukan seluruh persatuan dan kesatuan Melayu di Tanah Melayu di bawah satu payung. Dengan terbentuknya UMNO maka bermulalah perjuangan nasionalisme yang berhaluan kanan⁹, pertama untuk menolak gagasan Malayan Union dan kedua untuk

⁸ Gagasan Malayan Union menggabungkan sembilan buah negeri Melayu iaitu Negeri Melayu Bersekutu (Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan), Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Johor) dan Negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka) dengan Singapura diletakkan di bawah satu unit pentadbiran secara berasingan. Unit pentadbiran bentuk baru ini akan diketuai oleh seorang Gabenor sebagai Ketua Eksekutif. Sekali gus gagasan Malayan Union ini adalah usaha penjajah British untuk mengubah Tanah Melayu kepada negeri naungan kepada tanah jajahan. Peranan raja-raja Melayu terhad serta memberikan taraf kerakyatan secara jus soli kepada imigran Cina dan India.

⁹ Tidak ada terjemahan yang tepat apa yang dimaksudkan berhaluan kanan. Interpretasi ‘berhaluan kanan’ boleh dimaksudkan sebagai perjuangan secara diplomasi, menerima pengaruh penjajah, sanggup bekerjasama dengan kolonial dan lebih penting sedia melindungi kepentingan penjajah selepas merdeka.

menuntut kemerdekaan daripada penjajah dan sekaligus mengubah sosio budaya politik Melayu. UMNO lahir dari kesedaran perpaduan dalam diri orang Melayu bahawa untung nasib bangsa Melayu terletak di atas semangat perpaduan politik kebangsaan untuk bersama-sama berjuang di bawah slogan ‘Hidup Melayu’ bagi mempertahankan hak dan kepentingan bangsa yang terancam akibat gagasan Malayan Union. Ini dapat diselami daripada ucapan dasar Dato’ Onn Jaafar sebagai pengurus kongres yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman pada 1 Mac 1946 yang menyatakan bahawa:

“...sebagaimana yang berkumpul disini dan atas kemahuan dan keazaman dan keputusan hari ini hendak membinakan tapak-tapak bangunan yang akan menghasilkan dan mengesahkan cita-cita bangsa kita yang telah lama didiami itu iaitu persatuan di antara kita sendiri...Adapun maksud dan tujuan itu ialah keyakinan di hati kita bahawa nasib bangsa kita itu hanyalah dapat diperkenalkan dengan kesatuan hati di antara kita juga dan kesatuan kebangsaan kita itu hanyalah akan dapat dipeliharkan dengan berpegang kepada kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi daripada bangsa itu sekalian...”

(Ibrahim Mahmood, 80: 1971)

Nasionalisme dalam perjuangan UMNO menjadi titik tolak perubahan sistem politik Melayu. Ini kerana UMNO yang menjadi ‘tulang belakang’ dalam membawa kemerdekaan Tanah Melayu telah mengubah sistem politik di Tanah Melayu ketika itu. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada British pada 31 Ogos 1957 Perlembagaan Tanah Melayu 1957 diwujudkan. Dalam perlembagaan tersebut, Majlis Raja-Raja diwujudkan dan cara melantik Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang Di-Pertuan Agong yang dipilih setiap 5 tahun sekali dari kalangan 9 raja-raja

Melayu. Ini menunjukkan bahawa budaya politik Melayu masih mengekalkan sistem beraja tetapi ia disesuaikan dengan konsep Raja Berpelembagaan. Dari segi budaya, raja masih diletakkan diposisi tinggi dalam masyarakat Melayu sebagai Ketua Negara Persekutuan. Peranan dan fungsinya yang tercatat dalam perlembagaan sebagai salah satu usaha untuk mempertahankan budaya politik Melayu. Walaupun berlaku perubahan besar dalam sistem politik tetapi dalam konteks budaya politik Melayu kedudukan dan fungsi raja masih lagi kekal.

Tahap Ketiga : Krisis UMNO 1987

Tinjauan pada tahap ini, cuba melihat bagaimana ideologi nasionalisme menjadi persoalan kerana wujud perpecahan dalam atas nasionalisme Melayu yang telah mengubah landskap dan budaya politik Melayu. Ini dapat ketika dalam krisis kepimpinan UMNO 1987 apabila berlaku krisis yang berpunca daripada pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO. Dalam budaya politik Malaysia, Presiden UMNO merupakan Pengurus Barisan Nasional dan juga Perdana Menteri Malaysia. Krisis dan perebutan jawatan Presiden UMNO antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh pada awalnya dilihat sebagai pertembungan peribadi tetapi kemudian bertukar menjadi krisis kepimpinan yang rumit apabila ada usaha untuk menjatuhkan serta menggulingkan kepimpinan Dr. Mahathir. Dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada 24 April 1987 berlaku pertandingan antara Dr. Mahathir yang mempertahankan jawatannya sebagai Presiden UMNO dengan pencabarnya Tengku Razaleigh yang juga merupakan bekas Naib Presiden UMNO. Dalam pertandingan tersebut, Dr. Mahathir telah menang dengan majoriti 43 undi setelah memperolehi 761 undi, manakala Tengku Razaleigh memperolehi 718 undi.

Berdasarkan daripada jumlah undi yang diperolehi oleh Dr. Mahathir ini membuktikan hampir separuh perwakilan menolak

kepimpinan beliau. Undi perwakilan adalah lambang suara ahli-ahli UMNO di semua peringkat iaitu bahagian dan cawangan. Natijah dari analisa undi ini ialah sebahagian besar dari ahli-ahli UMNO cuba menolak Presiden mereka melalui saluran demokrasi iaitu situasi yang belum pernah berlaku sebelum ini. Walaupun di era Hussein Onn pernah berlaku pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO yang dicabar oleh Sulaiman Palestin tetapi kedudukan Presiden dan UMNO langsung tidak tergugat kerana hampir semua perwakilan masih menyokong kuat Hussein Onn. Berbeza dengan Mahathir, beliau boleh tumbang jika tidak diselamatkan oleh 43 undi majoriti yang kecil itu.

Konflik yang berlaku dalam UMNO ini, turut mewarnai nasionalisme dalam budaya politik Melayu. Nasionalisme Melayu ini telah berpecah kepada dua bentuk acuan iaitu nasionalisme acuan Dr. Mahathir dan nasionalisme acuan Tengku Razaleigh. Walaupun kedua-duanya sama memperjuangkan nasionalisme Melayu tetapi disebabkan krisis personaliti antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh ini budaya politik Melayu turut berubah. Scenario ini dapat diperjelaskan dengan wujud dua *team* dalam UMNO. *Team A* dipimpin oleh Dr. Mahathir yang mencerminkan kumpulan yang mendukung nasionalisme Melayu liberal manakala *team B* pula dipimpin oleh Tengku Razaleigh yang mendukung nasionalisme Melayu konservatif. Rentetan dari krisis perebutan jawatan itu, pada 4 Februari 1988 pendaftaran UMNO sebagai sebuah parti politik diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pengharaman tersebut berpunca daripada tindakan sekumpulan penyokong *Team B*, lebih dikenali sebagai Kumpulan 11, membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur supaya Perhimpunan Agong UMNO pada 24 April 1987 itu diistiharkan tidak sah dan batal kerana mendakwa terdapat 78 perwakilan tidak sah yang turut hadir dan mengundi dalam perhimpunan tersebut dan juga mendakwa terdapat 30 cawangan UMNO tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (Ahmad Atory Hussain,1997:128).

Setelah UMNO diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, telah menyaksikan perlumbaan untuk menjadi penerus perjuangan nasionalisme Melayu yang sah dari aspek perundangan di Malaysia (Shahbudin, 1997). Persaingan ini penting kerana mereka bakal mewarisi kuasa dan aset UMNO yang dibatalkan pendaftarannya, bahkan juga kerajaan negara yang sah dari segi perundangan. *Team A* telah mengemukakan permohonan untuk menubuhkan UMNO (Baru) manakala *Team B* menubuhkan Parti Melayu Semangat 46. Parti Semangat 46 telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1988 oleh sepuluh orang ahli perniagaan Melayu. Parti ini asalnya didaftarkan atas nama UMNO 46 pada 30 September 1988 tetapi ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan kerana menggunakan nama yang sama dengan UMNO (Baru) yang telah berdaftar. Oleh itu, nama UMNO 46 telah ditukar kepada Parti Semangat 46 pada 25 Februari 1989 untuk membolehkan ia didaftarkan. Pendaftaran parti ini diluluskan pada 5 Mei 1989. Walaubagaimana pun, kedua-dua parti ini masih lagi memperjuangkan dan mempertahankan nilai-nilai nasionalisme Melayu dalam sistem politik negara seperti kedaulatan Raja-raja Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu dan Bumiputra serta kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan bagi Persekutuan. Cuma yang membezakan kedua-dua parti ini ialah nasionalisme Melayu UMNO (Baru) lebih bersifat liberal, manakala Parti Melayu Semangat 46¹⁰ lebih bersifat konservatif (Ahmad Atory Hussain 1993).

Ia bersifat liberal kerana mempertahankan perjuangannya untuk meneruskan agenda Melayu berasaskan perlembagaan parti yang sedia ada sesuai dengan keperluan semasa. Manakala sifat konservatif kerana untuk mempertahankan kepentingan Melayu untuk Melayu semata-mata. Ia dikatakan bersesuaian dengan semangat

¹⁰ Pada tahun 6 Oktober 1996 Parti Melayu Semangat 46 dibubarkan, Tengku Razaleigh Hamzah serta pengikut-pengikutnya telah kembali kepangkuhan UMNO pada 8 Oktober 1996 (Hatta Al-Mukmin 1996).

perjuangan orang-orang Melayu pada tahun 1946 kerana perjuangan Melayu tulen dan nasionalisme ketika itu adalah Tanah Melayu hak orang Melayu. Salah satu sebab Tengku Razaleigh memilih perkataan ‘Semangat 46’ adalah untuk meningkatkan kembali semangat orang-orang Melayu untuk terus menyokong beliau.

Dengan kewujudan dua aliran nasionalisme Melayu ini ia telah mengubah landskap serta variasi budaya politik Melayu. Tambahan pula, kedua-dua parti ini turut terlibat dalam beberapa pilihan raya umum. Dengan kehadiran Parti Melayu Semangat 46 ia lebih memeriahkan suasana politik di Malaysia. Parti pimpinan Tengku Razaleigh ini telah membuat pakatan dengan PAS dalam menghadapi pilihan raya umum 1990 dengan menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Walaupun, parti ini hanya mendapat tempat di negeri kelahiran Tengku Razaleigh sahaja iaitu di Kelantan, namun ia tetap menunjukkan bahawa kehadiran Semangat 46 ini turut mengubah budaya politik Melayu. Jika sebelum pilihan raya umum 1990, rakyat Kelantan memilih parti aliran nasionalisme sebagai tunjang untuk memerintah Kelantan. Dengan kehadiran Semangat 46 dalam suasana politik di Kelantan ia lebih menguntungkan PAS. Ini menunjukkan secara tidak langsung Semangat 46 telah membantu Parti Islam memulakan tapak kembali di negeri Kelantan. Kehadiran Semangat 46 ini sebenarnya bukan untuk menyatakan siapakah yang lebih nasionalis antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh. Ia lebih kepada perjuangan dan masalah peribadi dua pemimpin ini. Konflik yang berlaku antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh ini telah menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan orang Melayu.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, nasionalisme Melayu masih sesuai diadaptasikan dalam budaya politik Melayu. Walaupun banyak kelahiran ideologi-ideologi politik yang lain tetapi ia masih relevan

dengan orang Melayu. Namun jika semangat nasionalisme yang dibawa oleh UMNO ini meminggirkan kedudukan raja-raja Melayu, sudah tentu orang Melayu akan mencari alternatif lain yang boleh menjaga kedudukan raja-raja Melayu serta kedudukan mereka sebagai penduduk pribumi bagi persekutuan Malaysia. Walaupun dunia semakin moden, raja Melayu masih tetap dihormati oleh orang-orang Melayu. Orang Melayu tetap beranggapan menderhaka kepada sultan merupakan suatu kesalahan yang besar. Ini kerana perbuatan itu akan mendatangkan tulah kepada setiap penderhaka, iaitu sesuatu bentuk pembalasan daripada kuasa ghaib akibat kemungkarana raja yang diberhakainya (Haron Daud 1993:89-102). Gambaran ini menunjukkan sikap taat setia yang harus ada untuk rakyat yang dipimpin terhadap pemimpin.

Dalam konteks Malaysia, sebelum mencapai kemerdekaan, nasionalisme hadir dengan penyertaan perjuangan untuk menolak Malayan Union. Pembentukan UMNO adalah manifestasi orang-orang Melayu bersatu melalui gabungan persatuan dan kesatuan untuk bersama-sama menolak idea negara bangsa yang dicadangkan oleh British iaitu Malayan Union. UMNO berjaya mengagalkan idea negara bangsa yang dirangka oleh kolonial tersebut. Rentetan dari kejayaan itu, nasionalisme Melayu mula menampakan perkembangan yang semakin menarik apabila muncul dua aliran nasionalisme Melayu kanan dan kiri yang bertujuan sama iaitu untuk menolak penjajah di Malaya. Pihak British memilih untuk bekerjasama dengan gerakan nasionalisme Melayu kanan kerana ia lebih liberal dan toleransi berbanding aliran kiri yang dilabel sebagai pro-komunis dan sosialis. Selepas merdeka, berlaku perubahan dalam nasionalisme Melayu tetapi masih lagi berkisar kepada persoalan raja, bahasa dan hak keistimewaan orang Melayu yang menjadi tunjang dalam perjuangan UMNO. Elemen ini semuanya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi budaya politik Melayu secara keseluruhannya.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara Bangsa Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Rahman Hj Ismail. 2000. *Bangsa : Ke Arah Ketetapan Makna Dalam Membicarakan Nasionalisme Melayu*. Dlm. Abdul Rahman Hj Ismail, Azmi Arifin & Nazarudin Zainun (pnyt). 2006. *Nasionalisme Dan Revolusi Di Malaysia Dan Indonesia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Ahmad Atory Hussain. 1993. *Politik Melayu 1980-190 Antara Kepentingan dan wawasan Bangsa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nidzamuddin Sulaiman. 2002. Budaya Politik Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. Dlm. Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad (pytn). *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Insitut Kefahaman Islam Malaysia
- Amaluddin Darus. 1988. *Serba Salah Melayu Di Malaysia*. Petaling Jaya : Syarikat Abad.
- Alias Mohammad. 2007. Dilema Perjuangan Melayu. *Pemikir*, Bil 47. 79-98.
- Almond & Powell. 1960. Comparative Politics: A development Approach. Boston: Little Brown
- Chamil Wariya. 1988. *UMNO (BARU) Kelahiran dan Perkembangan Awalnya*. Kuala Lumpur: Terbitan ‘K’ Publishing & Distributors Sdn Bhd.
- Cheah Boon Kheng. 1983. *Red Star Over Malay*. Singapura: Singapore University Press
- Elie Kedourie. 1966. *Nationalism*. London: Hutchinson & Co Publisheres Ltd
- Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin. 2000. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti

- Gullick,J.M. 1978. *Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat*. Terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hans Kohns. 1972. Nationalism. Dlm. David Sills (pytn). *International Encyclopedia of The Social Sciences*. London: Collier-Macmillan Publishers.
- Haron Daud.1987. Konsep Raja Dan Kerajaan Daripada Perspektif Historiografi Melayu, Akademika 31. 3-14.
- Hatta Al-Mukmin. 1996. *Dilema UMNO*. Kuala Lumpur : Mukmin Publication.
- Ibrahim Mahmood. 1971. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Ishak Saat. 2007. *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam : Karisma Publication Sdn Bhd.
- Ismail Yusoff. 1997. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaie Hamil. 2004. *UMNO Dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaie Hj. Hamil. Mohd Mahadee Ismail, Nidzam Sulaiman, Suzanna Mohamed Isa & Zaini Othman. 2005. Budaya Politik Melayu: Kesinambungan dan Perubahan. Dlm. Sity Daud & Zarina Othman (pytn). *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruddin Jaafar. 1980. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy Politik Melayu Dan Islam*. Kuala Lumpur : Yayasan Anda Sdn Bhd
- _____.2000. Pilihan Raya 1999 Dan Masa Depan Politik Malaysia. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn Bhd.
- Leon. P. Baradat. 1984. *Political Ideologies: Their Origins And Impact*. New Jersey: Englewood
- Mahathir Mohammad. 1982. *Dilema Melayu*. Ibrahim Saad (Terj). Kuala Lumpur: Federal Publication.

- Mohamed Salleh Lamry. 2006. *Gerakan Kiri Melayu Dalam perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali Kamaruddin & Jamaie Hamil. 2005. Budaya Politik: Perspektif Kepimpinan Politik Melayu daripada Tradisi Ke Kontemporari. Dlm. Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Musa (pytn). *Tinjauan Baru Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Fo'ad Sakdan. 1999. *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. 2001. Ideologi Keadilan Politik Melayu: Satu Analisis Terhadap Teks-Teks Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 11: 184-206.
- Pye & Verba. 1965. *Political Culture and Political Development*. New Jersey: Princeton University Press.
- Ramlah Adam. 1996. Peranan Pengaruh Luar (Tokoh dan Akhbar) Dalam Gerakan Nasionalisme Brunei. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 6: 69-88.
- _____. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rustam A. Sani. 2004. *Ke Mana nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: R Publishing Services.
- Shellaber,W. G. 1977. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Shaharuddin Maaruf 1988. *Malay ideas on Development*. Kuala Lumpur: Time Books International.
- Shahbudin Abdul Wahab. 1997. Ideologi Politik UMNO: Penerusannya Dalam Perjuangan UMNO (Baru) Dan Parti Semangat 46. *Tesis Sarjana*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Suntharalingam.R, Abdul Rahman Ismail 1985. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

- Syed Husin Ali .1979. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depannya*. Kuala Lumpur: Adabi.
- _____. 1983. Menanam Semangat nasionalisme tulen melaui Sastera. *Dewan Sastera*, Ogos.
- Tunku Abdul Rahman. 1969. *Sa-belum dan Sa-lepas Mei 13*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Vejai Balasubramaniam. 1997. Nasionalisme Dalam Pembentukan Sebuah Negara Persekutuan: Wacana Teoretikal Berdasarkan Pengalaman Malaysia. *Akademika*. 51: 23-51.
- Wan Hashim Wan Teh. 1996. Pembentukan Ras Melayu Sebagai Kabilah Dunia. *Pemikir*. Bil. 3: 38-48.
- William R.Roff. 2003. Ahmad Boestaman (Tej). *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Zainuddin Maidin. 1994. *Mahathir: Di Sebalik Tabir*. Petaling Jaya: Utusan Publication & Distributors